

13 JUL 1999

UMNO PANDANG SERIUS ANCAMAN BUNUH PEMIMPIN

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Umno memandang serius ancaman bunuh terhadap beberapa pemimpinnya dan akan mengambil tindakan yang perlu sebagai langkah berjaga-jaga, kata Setiausaha Agungnya Tan Sri Khalil Yaakob.

Katanya setiap perkara yang berkaitan dengan keselamatan anggota parti harus diambil berat walaupun perkara sedemikian belum pernah terjadi dalam sejarah negara ini.

"Kita sedang menghadapi pilihan raya...kita pun tidak tahu keadaan yang ada pada mana-mana pihak, mungkin juga dia rasa terdesak dan perlu mengambil tindakan tertentu," katanya kepada pemberita selepas majlis Sepetang Bersama Dhalan Zainuddin di Pusat Penyiaran Antarabangsa di sini hari ini.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan, berkata demikian ketika ditanya mengenai tindakan Umno menghadapi ancaman bunuh pucuk pimpinan parti termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed seperti yang terkandung dalam kaset yang kini diedarkan.

Perkara itu didedahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Menangani Fitnah dan Panel Peguam Umno Datuk Ibrahim Ali baru-baru ini yang menyatakan pengedaran kaset itu dikesan berlaku di kalangan guru-guru dan sekolah.

Ketika ditanya mengenai tindakan selanjutnya, Khalil berkata terserah kepada jawatankuasa yang telah ditugaskan menyiasat mengenainya.

"Apa yang penting langkah berjaga-jaga perlu dijalankan," katanya.

Akhbar hari ini melaporkan polis belum menjalankan sebarang siasatan berhubung perkara itu kerana tidak menerima laporan rasmi mengenainya.

-- BERNAMA

NM MAI